

\*  
\*  
\* **PUTERI** \*  
**LIMAU PURUT** \*  
\* \* \* \*



*Seri  
Pelangi*

# PUTERI LIMAU PURUT

oleh

A. Talib Hj. Ahmad

SERI PELANGI



1964

怡和洋行  
Anglo Siam Co. Ltd.

PENERBITAN PUSTAKA ANTARA  
Kuala Lumpur

*Penerbitan Pustaka Antara  
531, Jalan Tuanku Abdul Rahman  
Kuala Lumpur*

*(C) Pustaka Antara*

Chetakan pertama.....1964

Gambar kulit dan dalam: Rosdin

Harga 80 sen

*Di-chetak oleh Perchetakan Abadi  
Kuala Lumpur*

## KANDONGAN-NYA

1. Limau Purut	...	...	...	...	1
2. Istiadat Main Raga	...	...	...	...	9
3. Permaisuri Terkorban	...			...	16
4. Belayar ka-Acheh	...	...	...	...	27
5. Kelapa Gading Dan Limau	...	...	...	...	32

## LIMAU PURUT

Maka tersėbut-lah kesah yang bėrlaku di-zaman dahulukala di-Perak. Ada pun pėrmaisuri Raja sudah tujuh tahun mėnjadi pėrmaisuri, tėtapi tiada juga mėngandong. Maka akan hal Raja makin lama makin susah hati-nya, kerana takut tiada mėmpunyai turunan.

Pada suatu hari, raja kėluar bėrsiar-siar di-taman, tiada sa-orang jua pun yang di-bėnarkan oleh baginda ikut bėrsama-nya. Maka dalam masa bėrjalan2 itu, tėrlihat-lah oleh Baginda dua ekor burung jalak. Sa-ekor jantan dan sa-ekor bėtina, bėrtenggek di-dahan limau purut.

Akan hal kėlakuan burung jalak ini, tėlah mėnarek pėrhatian baginda. Maka di-dėkati-nya dėngan mėlangkah pėrlahan2, sa-hingga baginda tiba di-bawah naungan pohon limau purut yang rindang itu. Maka di-lihat oleh baginda, akan kėrja2 burung ini. Yang jantan kėlihatan mėnchari ulat, dan kalau dapat ulat, maka ulat itu di-patok-nya. Maka kalau ulat itu sudah di-patok, datang pulalah jalak yang bėtina. Maka jalak yang bėtina itu sėgėra mėmagut pula ulat yang sudah mati itu, sambil tėrbang mėnuju ka-arrah suatu dahan po-

hon yang lain, lěbeh běsar dan tinggi tiada běrapa jauh dari limau purut itu.

Maka jalak yang jantan itu pun tiada hěntinya měnyanyi2 dan měnchari ulat lagi. Dan dari arah jalak yang bětina itu masok, kědėngaran-lah bunyi anak burung měnchiak2.

“Wah, burung2 ini sědang měncharikan makan untok anak-nya”, kata baginda dalam hati. Maka dudok-lah baginda sa-orang diri di-bawah naungan pohon limau purut itu.

Fikiran baginda těrtumpu pada nasib-nya yang bělum měmpunyai turunan. Maka děngan tiba-tiba, baginda kian těrtarek hati-nya pada kichau burung jalak itu. Maka měndongak-lah baginda ka-atas. Maka di-lihat oleh baginda burung jalak bětina itu sudah datang kěmbali, dan běrtenggek di-sisi burung jalak jantan. Kědua-dua-nya běrkichau sa-akan2 měnyanyi.

“Sa-hina2 burung, ada jua bakti-nya kěrana dia ada anak dan měnchari makan untok anak-nya. Dan sa-mulia2 raja sapěrti aku ini, tiada-lah guna-nya, kěrana makan chukup, bukan aku yang měnchari, kěsėnangan ada sědia, tětapi tiada anak. Maka apa jua guna-nya kěmuliaan dan kěběsaran dalam hidup ini, kalau tiada běranak?” kata baginda sa-orang diri.

Maka sa-kali lagi baginda měndongak ka-atas. Tětapi kětika itu-lah kědua2 ekor burung yang běrbahagia itu těrbang děngan riang-nya.

“Apa juga yang ada pada-ku sapěrti raja bagini?” kata baginda děngan sayu hati. “Ke-kuasaan ada dalam tangan-ku, tětapi kěběbasan tiada, apa saja yang ku-buat, městi děngan pěrator-

an dan 'adat yang mënjëmukan, ka-mana saja mahu përgi, mësti di-ambil tahu orang lain”.

Maka di-rënong-nya oleh baginda suatu dahan dari pokok limau purut itu. Maka di-lihat oleh baginda, satu kunchup sëdang mërchup kël原因 dengan subor dan indah-nya.

“Sëdang pokok yang tiada bërgërak ka-manamana ini pun ada juga bahagia dan guna-nya, dia riang mëndapat matahari, dan subor mëlahirkan kunchup, bunga dan buah”. Kël原因 baginda dëngan hati yang muram. “Tëtëpi aku ini, raja yang bërkuasa, tërpendang oleh sëluroh dunia, jangan-kan buah, putek pun tiada”.

Lama bagina bërmënong maka tërlihat oleh baginda bëribu-ribu ekor sëmud di-pangkal pokok limau purut itu. Sëbok dëngan kërja masing2. “Alangkah rukun dan bahagia-nya”, kata baginda mëmudi kapada sëmud. Maka tërlihat pula oleh baginda sëmud2 këchil, maka mëngël原因 lagi dalam hati-nya, “Sëdang sëmud yang tiada daya upaya, tinggal di-tëmpat yang kotor dan tërbiar, bëranak pinak jua, tapi aku ini, diam dalam istana yang përmai dan mulia, hingga sëkarang bayangan pun tiada mëndapat turunan”.

Lama kël原因, baginda bërniat-lah dalam hatinya, “Kalau aku mëndapat sa-orang anak, sa-orang pun jadi-lah, aku akan datang ka-mari, ka-pokok limau purut ini bërtapa sa-Juma‘at dua Juma‘at”.

Sa-tël原因 itu, maka bangkit-lah baginda, dan bërlalu përgi masok ka-halaman istana, dëngan muka yang muram.

Arakian, maka tiada bërapa lama-nya, maka



Permaisuri memberitahu baginda bahawa kandongan-nya sudah dua bulan.



kětika baginda sėdang dudok bėrmėnong dėngan hati yang sugul di-tėpi tingkap istana bahagian bėlakang, mėmėrhatikan ka-arrah batang limau purut di-kėbun istana nun jauh ka-dalam taman, maka datang-lah pėrmaisuri dėngan muka yang bėrsėri-sėri.

“Kėkanda”, tėgor pėrmaisuri dėngan muka yang riang, dan mėnguchup tangan baginda dėngan laku yang khushu’, “adinda sudah dua bulan tiada datang haid, adinda bėrdo’a sa-moga jadi-lah kandungan yang sėmpurna”, kata pėrmaisuri, dan mėrėnong muka baginda. Tapi sėkarang muka pėrmaisuri sudah mėnjadi merah, dan kėdua bėlah mata-nya mulai bėrayer, tanda kėsukaan yang amat sangat.

Akan hal baginda mėndėngar pėrsėmbahan pėrmaisuri-nya, maka baginda tėrtėgun, tiada dapat bėrkata suatu patah kata pun. Maka baginda mėmėgang tangan pėrmaisuri, dan mėrėnong muka pėrmaisuri-nya, kėmudian dėngan lėmah lėmbut di-sapu-nya ubun2 pėrmaisuri, lalu titah-nya:

“Sa-lama ini, kėkanda bėrsėrah bulat kapada Tuhan, maka hal ini jua pun kėkanda sėrahkan kapada Tuhan, sa-moga datang-lah kurnia-Nya yang sudah sėkian lama kėkanda pinta”.

Maka tiba-lah masa-nya pėrmaisuri mėngidam. Akan hal ini, tėrhebah-lah bėrita-nya ka-sėluroh nėgėri. Sėmua orang2 bėsar, pėnghulu2, dan orang2 kanan di-istana mėmbėrikan pėrsėmbahan dan tanda kėgėmbiraan masing2. Sambil mėmbawa bėnda2 makanan yang baik2 dan lazat chita rasa-nya untuk pėrmaisuri dan baginda. Tėtapi

tiada suatu barang pun yang menimbulkan selera permaisuri.

Maka di-tanyai oleh baginda, tiada juga permaisuri tahu akan apa barang yang di-ingini-nya. Perasaan keinginan itu terlalu halus mengalun dalam norani-nya.

Maka bertitah-lah baginda, "Mulai malam Juma'at yang akan datang ini kekanda akan pergi bertapa, sa-moga kekanda dapat pertunjuk bagi memperoleh makanan yang adinda kehendaki itu".

Maka pada malam Juma'at pergi-lah baginda bertapa di-bawah naungan pokok limau purut yang berada di-taman larangan. Akan hal ini, hanya di-ketahui oleh permaisuri dan Dato Bendahara Panglima Garang. Maka tiada sa-orang jua pun di-benarkan masuk ka-taman larangan itu s-lagi baginda belum kembali ka-istana.

Pada suatu malam, ketika baginda sudah masuk pada malam yang keempat belas bertapa itu, maka pada masa baginda sedang nyenyak tidor kerana tiada lagi tahan mengantok berjaga sa-lama itu, maka bermimpi-lah baginda mendapat sa-kuntum bunga yang tumbuh di-bawa naungan limau purut itu. Bunga itu baginda bawa balek ka-istana, dan di-peelihara oleh permaisuri. Bunga ini menjadi kesayangan seluruh negeri. Tetapi pada suatu hari, baginda melihat Dato Bendahara jatuh terpelēsok ketika hendak pergi menyiram bunga itu. Dan bunga itu tiada lama kemudian, di-ramas orang di-bawa ka-sēberang laut.

Kemudian ketika baginda terjaga dari tidor-nya, maka lama-lah baginda bermēnong memikirkan hal mimpi-nya itu.

Maka di-dapati-nya baginda ada sa-ekor kuching hutan mēnunggu di-hujung kaki baginda. Maka baginda pun naik heran, kērana kuching itu tiada mahu lari, hanya ashek mēmandang kapada baginda. Kētika baginda hēndak mēmēgang dia, maka kuching itu mēngelak, lalu bērkata:

“Tuanku, akan hal tuanku bērtapa di-sini, tahu-lah patek apa yang tuanku kēhēndaki. Ada pun pērmintaan tuanku, boleh-lah di-kabulkan. Ambil-lah sa-biji limau purut yang tunggal hampir masak yang bērada di-julai dahan arah matahari tērbit itu. Bawa-lah balek dan hadiahkan kapada pērmaisuri. Itu-lah makanan yang layak bagi pērmaisuri, suroh masokkan ayer limau itu barang sadiKIT kapada apa jua barang makanan yang akan di-makan oleh pērmaisuri”.

Sa-tēlah kuching itu bērkata-kata dēmikian, maka ghaib-lah kuching itu. Ada pun warna bulu kuching itu sangat elok. Warna-nya puteh bērbēlang hitam dan kuning<sup>2</sup> tua bērtampok<sup>2</sup>. Ini dapat di-pērhatikan dari tadi oleh baginda dēngan pērtolongan cahaya bulan.

Maka tiada lama kēmudian, kēdēngaran-lah ayam jantan kēsayangan baginda bērkokok bērdērai. Maka tiada jua ayam yang lain mēnyahut-nya.

Sa-tēlah lama bērmēnong<sup>2</sup>, maka bangkit-lah baginda, dan tērus pērgi mēndapatkan limau purut yang di-katakan bērada di-hujung julai dahan arah matahari tērbit. Maka limau itu pun di-ambil oleh baginda dan di-bawa pulang ka-istana.

Maka limau purut itu-lah yang mēmulehkan sēlera pērmaisuri dari mēngidam. Dan tiada bē-

rapa lama kĕmudian, kĕtika chukup-lah bulan-nya, pada hari yang baik dan pada sa'at yang sĕmpurna, maka lahir-lah anak baginda, sa-orang putĕri yang sangat elok paras-nya.

Maka di-adakan-lah pĕrayaan tujuh hari tujuh malam dĕngan sĕgala kĕbĕsaran, mĕnyambut kĕlahiran putĕri baginda. Sĕluroh nĕgĕri bĕrsukaria, dan pĕrmaisuri mĕmbĕri hadiah kapada sĕmua orang2 bĕsar, dan mĕmbĕri sĕdĕkah pada sĕmua fakir miskin dalam nĕgĕri. Akan hal baginda tiada-lah tĕrpĕrikan gĕmbira-nya.

## ISTI'ADAT MAIN RAGA

Ada pun tuan puteri itu, tiada sa-orang pun ahli nujum yang berani memberikan nama. Maka baginda sendiri pun tiada jua berani menetapkan siapa-kah gerangan akan nama puteri-nya. Maka berkata-lah permaisuri pada suatu hari:

“Sekarang, anak kita sudah berusia tujuh tahun, dan belum ada suatu apa nama pun yang di-berikan kepada-nya. Ada baik-nya kalau kanda pergi bertapa dan meminta nama yang layak bagi puteri kita itu”.

Maka teringat-lah baginda akan janji-nya dahulu, kalau dia mendapat walau hanya sa-orang anak, baginda akan pergi bertapa di-bawah nangan limau purut itu. Maka pada malam Juma'at pergi-lah baginda bertapa. Akan hal ini, hanya di-ketahui oleh permaisuri dan Dato Bendahara Panglima Garang jua. Maka tiada sa-orang jua pun yang di-benarkan masuk ka-taman larangan sa-lagi baginda belum kembali ka-istana.

Maka pada malam yang ketujuh pertapaan baginda, baginda mimpi yang Dato Bendahara

Panglima Garang, ketika menjalankan kerjanya sa-bagaimana biasa, tiba-tiba sa-buah bakul besar yang berisi arang terjatoh dari angkasa, dan menimpa Dato Bendahara Panglima Garang. Maka Dato Bendahara pun tiada lengah menyambut arang itu, maka seluruh muka dan tangan serta kaki Dato Bendahara jadi hitam, dan kulitnya lechoh. Maka ketika itu, kedengaran tangis seluruh penduduk negeri kerana sedih hatinya melihat malang yang menimpa Dato Bendahara Panglima Garang.

Ketika mendengar tangis itu, baginda terjaga dari tidor-nya, maka di-lihat lagi oleh baginda sa-ekor kucing hutan dudok menchangkong di-hujung kaki baginda. Maka baginda mahu menangkap kucing itu. Tetapi baginda tiada dapat, kerana kucing itu mengelak, lalu berkata kepada baginda:

“Tuboh patek tiada layak tersentuh oleh tangan tuanku. Ada pun akan hal patek ini, ia-lah mula-nya sa-orang manusia juga sa-bagaimana tuanku jua. Patek dahulu ada-lah sa-orang raja yang besar kuasa-nya dan luas negeri-nya. Tetapi di-sebabkan patek lengah menjalankan kerja2 kemuslihatan negeri dan ra'ayat, maka tiada-lah patek sadar akan perbuatan patek itu sa-mata2 kepuasan nafsu patek. Patek paksa perempuan2 yang chantek2 dalam negeri, untok nafsu patek. Dari itu patek mendapat hukuman yang paling berat sa-belum patek meninggal dunia, ia-itu, patek terbuang dari kerajaan patek dan menjadi sa-ekor kucing dan tiada boleh kembali menjadi ma-

nusia. Maka bagini-lah hukuman yang patek jalani sa-lagi patek hidup. Ada pun akan pënghibor hati patek ia-lah mënolong orang yang susah ala kadar-nya yang dapat patek lakukan”.

Maka bërtanya-lah baginda:

“Apa jua përtolongan yang kau dapat buat?”

Maka mënjawab-lah kuching itu:

“Patek dapat mëmberikan nasehat kapada orang2 yang tërsësat dalam hutan. Dan patek dapat mëmberikan nasehat kapada orang2 tërsësat dalam këhidupan sa-hari2”.

Maka bërtanya lagi baginda:

“Apa nasehat-mu pada orang yang sësat dalam hutan?”

Maka sahut kuching itu, “Ada pun orang yang tërsësat dalam hutan, jangan sa-kali2 mulut-nya chabul. Jangan sa-kali2 mënganiaya binatang2 pënghuni hutan. Kalau lapar, boleh-lah mëngambil buah2 hutan ala kadar-nya sahaja untok makan. Kalau mulut-nya chabul, orang itu akan ditimpa bahaya dalam hutan. Kalau mënganiaya binatang2, maka binatang2 yang lain akan mënganiaya-nya pula. Dan kalau tama' pada buah2 hutan lëbeh dari kadar këpërluan-nya, maka dia akan leka dan tërsësat sa-lama2-nya. Kalau mahu sëgëra mëndapat jalan këluar dari hutan itu, maka jangan sa-kali2 mëmanjat pohon yang tinggi, kërana itu bërbahaya bagi manusia. Manusia sëlalu jatuh kalau mëmanjat. Dan kalau jatuh, tiada siapa yang dapat mënolong-nya dalam hutan. Jadi chari saja puchok tumbohan2 yang mënjalar. Përhati hujong-nya. Mana arah yang di-tuju hujong

itu, maka arah itu-lah yang di-tuju dalam perjalanan, jangan menyimpang kanan atau kiri, terus-lah berjalan, akhir-nya dapat-lah keluar dari hutan itu”.

“Apa pula nasehat-mu pada orang yang sesat dalam hidup sa-hari2?” tanya baginda.

“Ada pun orang yang sesat dalam kehidupan sa-hari2, ia-lah kerana durhaka jua. Pertama durhaka kapada Tuhan. Kedua durhaka kapada ibu bapa. Jadi orang durhaka ini, hendak-lah segera tobat. Dan jangan buat durhaka lagi. Ini perkara yang pertama, kerana sa-kira-nya manusia tiada lupa pada Tuhan dan tiada lalai dari nasehat ibu bapa, maka tiada-lah dia akan di-singgahi bala bēchana. Ada pun jalan boleh jadi durhaka, ia-lah sebab alah dalam pēperangan. Pēperangan ini dalam manusia juga ada-nya. Ia-itu perang perasaan dan fikiran. Kalau kedua2nya perang, maka nafsu jua yang mēnang. Manakala mēnang-lah nafsu, maka binasa-lah kehidupan manusia itu. Dari sebab itu-lah maka sa-tiap orang mēstilah mēndamaikan antara perasaan dan fikiran-nya. Kerana kalau fikiran saja ada tētapi tiada perasaan, maka itu manusia tiada sēmpurna. Tētapi kalau perasaan saja ada tiada fikiran, maka itu bukan manusia. Jadi fikiran dan perasaan mēsti muafakat mēngendalikan kehidupan; baru-lah sēntosa hidup ini”. Kata Kuching Hutan itu.

“Baik-lah”, kata baginda. “Sēkarang beta datang di-sini mahu minta nasehat pula. Apa gērangan nama yang baik bagi putēri beta?”

“Nama bukan jadi susah mēnchari-nya. Banyak nama yang boleh di-pakai. Tapi yang mus-



tahak ia-lah mēngisi hidup orang yang ěmpunya nama itu, supaya nama-nya jadi harum dan kēkal”, sahut Kuching Hutan.

“Boleh-kah kau tolong bĕri suatu nama yang layak bagi putĕri beta?” tanya baginda.

“Tadi patek sudah katakan, nama bukan susah di-ambil. Bagi nasehat patek, namakan-lah putĕri itu—Putĕri Limau Purut”. Kata kuching itu, maka kĕtika baginda mĕnoleh kapada-nya, kuching itu sudah ghaib.

Maka baginda pun bĕrjalan-lah kĕmbali ka-istana. Maka tĕtap-lah nama tuan putĕri itu dĕngan nama Putĕri Limau Purut.

Sa-tĕlah tuan putĕri bĕroleh nama, maka badan-nya kian subur, wajah-nya kian jĕlita, dan makin lĕkas bĕsar, sapĕrti di-tiup2 layak-nya.

Maka pada kĕtika umor tuan putĕri sudah mĕnchapai tujuh bĕlas tahun, banyak-lah pinangan yang datang. Ada dari orang2 muda kĕrabat di-raja, ada dari anak-anak raja nĕgĕri lain, dan ada juga raja2 nĕgĕri lain yang sa-lama ini bĕrbaik2 dĕngan Nĕgĕri Perak dahulukala itu.

Maka sĕmua pinangan itu di-tolak, kĕrana tiada juga sa-orang pun yang datang mĕminang itu yang sĕmpurna ada-nya. Ada yang elok paras-nya tĕtapi burok pĕrangai-nya. Ada yang baik paras-nya dan baik pĕrangai-nya tĕtapi tiada chukup ilmu pĕngĕtahuan-nya. Ada yang chukup pĕngĕtahuan dan baik paras-nya, tĕtapi bĕrlaku kĕjam, tiada chukup bĕlas kasehan.

Maka pada suatu hari, Dato Bĕndahara Panglima Garang mĕngadakan isti‘adat pĕrmainan raga di-halaman istana. Maka datang-lah sĕmua anak-

anak raja di-seluruh penjuru angin. Akan permainan ini, semua anak-anak raja handal2 belaka, tiada berlebih tiada berkurang. Maka putus-lah harapan Dato Bendahara akan mendapatkan jodoh bagi tuan puteri. Maka bertitah-lah baginda:

“Kerana istiadat main raga ini tiada juga menghasilkan apa-apa untuk perjodohan puteri beta, maka semua anak-anak raja dari semua penjuru angin yang mengambil bahagian dalam istiadat main raga ini, di-bukakan satu peluang. Iaitu, meneka. Tekaan hanya sa-kali sa-tiap orang, dan barang siapa yang meneka dengan betul, maka itu-lah jadi suami puteri beta, dan orang itu jualah yang naik takhta menggantikan beta”.

Maka semua yang hadir setuju akan chadangan baginda. Maka bertitah-lah baginda:

“Jawab-lah ini—apa erti-nya limau purut dalam kehidupan beta dan kehidupan permaisuri. Ini-lah pertanyaan-nya. Jawab-lah, tetapi permaisuri dan Dato Bendahara Panglima Garang tiada boleh turut champor dan tiada boleh jaoh dari beta sa-belum jawaban semua di-terima.”

Maka semua anak2 raja itu pun memberikan jawaban. Ada yang mengatakan, Limau Purut ialah buah hati tangkai jantung tuanku dan permaisuri. Ada yang mengatakan bahawa Limau Purut ada-lah sa-jenis tumbuh2an yang berbuah dan ayer buah-nya masam. Ada yang mengatakan bahawa Limau Purut ia-lah bahasa sindiran, menyatakan orang itu marah kalau memberikan limau purut kepada sa-saorang, bukan-kah limau purut itu ayer-nya masam, dan muka yang masam itu juga bukan-kah marah erti-nya?

Dan banyak lagi jawaban2 yang di-těrima. Tě-tapi tiada satu jua pun yang bětul. Kěrana tiada sa-orang jua pun yang tahu akan rahasia baginda dari awal hingga akhir běkěnaan děngan pokok limau purut di-dalam taman larangan itu. Maka hampa-lah hati sěmua anak2 raja.

Kětika jawaban2 itu di-hebahkan, dan Raja měngishtiharkan tiada sa-orang jua pun yang tahu, kěchuali pěrmainsuri dan běndahara, maka baginda měmutuskan, masa-nya di-lanjutkan hingga samusim padi.

Maka girang-lah sěmua anak2 raja itu, kěrana maseh ada pěluang hampir satu tahun untok měnchari jawaban itu. Dan ada juga běběrapa orang anak-anak raja, těrutama di-kalangan kěrabat di-raja Perak sěndiri yang mahu měngorek rahasia dari pěrmainsuri dan běndahara.

Maka isti'adat pěnamat main raga ini pun di-lakukan-lah oleh běndahara. Baginda měnghadhahkan sa-pěrsalinan pakaian pada sa-tiap orang yang měngambil bahagian dalam pěrmainan raga itu. Ada pun pěrsalinan itu, di-sampaikan oleh Tuan Putěri Limau Purut sěndiri, kěrana pěrmainsuri dan Běndahara tiada boleh di-děkati.

## PĒRMAISURI TĒRKORBAN

Tiada lama dari masa isti'adat main raga itu, maka bĕrbagai-bagai-lah helah yang di-jalankan oleh anak2 raja yang ingin mĕngambil Putĕri Limau Purut mĕnjadi istĕri-nya.

Dari kalangan anak-anak raja yang datang dari lain nĕgĕri, mĕreka mĕnaborkan barang2 hadiah kepada dayang2 istana, orang2 bĕsar, untok mĕndapatkan kĕtĕrangan yang di-kĕhĕndaki. Tĕtapi tiada sa-orang jua pun yang bĕrjaya.

Akan hal kĕrabat2 di-raja sĕndiri, mĕreka mĕnumpukan ikhtiar mĕreka pada pĕrmaisuri, dĕngan bĕrgagai2 helah pula. Ada yang mĕmujuk mĕrayu, ada yang mĕnghadiahkan intan pĕrmata yang tiada tĕrnilai harga-nya, tĕtapi suatu pun tiada di-pĕdulikan oleh pĕrmaisuri. Manakala orang2 yang mĕndĕkati Dato Bĕndahara Panglima Garang, jangankan bĕrhasil, bahkan Dato Bĕndahara sĕndiri sĕlalu bĕrkata:

“Rahasia itu ada dalam dada-ku. Tĕtapi aku bukan orang yang dapat di-bĕli untok mĕmĕchahkan amanah. Kalau bĕrkĕras jua mahu mĕnda-

pat-nya, jangan dĕngan hadiah, tĕtapi alahkan aku, dan bĕlah-lah dada-ku yang sudah jadi mayat, ambil-lah rahasia itu di-dalam-nya”.

Jawaban Bĕndahara ini sangat mĕnyakitkan hati. Maka ada di-antara-nya yang mĕnjalankan tipu helah untok mĕnjatohkan Bĕndahara dari jawatan-nya, tĕtapi tiada mĕmbĕrikan kĕsan, kĕrana baginda tahu siapa Bĕndahara Panglima Garang yang sa-bĕnar-nya.

Maka pada suatu hari, datang-lah sa-orang anak gĕmbala ka-rumah bĕndahara, gĕmbala itu mĕmbawa sa-ekor burung balam, dan lima biji tĕlor.

“Ampun dato’ ” kata gĕmbala itu. “Kĕdatangan hamba ka-mari, ia-lah mĕmbayar nazar”, kata-nya lagi.

“Apa pula nazar ĕngkau?” Tanya Dato’ Bĕndahara.

“Ada pun nazar hamba, ia-lah mĕnghadiahkan burung balam ini kapada paduka Dato’, dan juga tĕlor ini, kĕrana hamba tĕlah bĕrjaya mĕmpĕrbanyak tĕrnak hamba di-sĕbabkan nasehat paduka Dato’ bĕbĕrapa tahun dahulu kapada hamba, bĕtapa chara mĕmĕlihara tĕrnak”.

Maka Dato’ Bĕndahara pun girang hati, lalu kata-nya:

“Tiada ku-sangka, bahawa ĕngkau sa-orang gĕmbala begitu tinggi budi-mu, tahu mĕngĕnang jasa. Sudah bĕrpuloh tahun aku jadi Bĕndahara dalam kĕrajaan Perak, tĕtapi bĕlum ada sa-orang jua pun yang datang bĕrtĕrima kaseh kapada-ku walau tĕlah banyak nasehat dan pĕrtolongan yang aku bĕrikan”.

Mëndengar përkataan Dato' Bëndahara yang bagitu ikhlas dan jujur itu maka mënangis-lah gëmbala itu, lalu mënchium lutut Dato' Bëndahara. Maka kata Dato' Bëndahara lagi:

“Rupa-nya bangsawan turunan bëlum boleh mënjamin ada-nya bangsawan budi. Bagitu juga, rëndah turunan bëlum tëntu dia hina budi”.

“Ada pun hadiah-mu itu, biar-lah aku tërima satu macham sahaja. Biar-lah ku-tërima hadiah tëlör itu, dan itu akan ku-makan, barangkali inilah hadiah yang paling bësar erti-nya dalam hidup-ku, dan akan mënjadi kënangan sa-panjang hayat-ku. Akan hal burong balam itu, kalau kau hadiahkan, maka itu ku-tërima dëngan sharat, lëpaskan-lah dia sëkarang juga. Tiada akan gëmbira hati-ku dari mëlihat makhlok yang tërkurong bagitu. Maka akan lëbeh mulia-lah budi-mu kalau kau mëlëpaskan burong itu supaya këmbari kapada alam-nya sëndiri, bebas dëngan kodrat yang ada pada-nya mënchari bahagia”.

Maka akan gëmbala itu pun di-lëpaskannya-lah burong balam itu. Ada pun tëlör itu, di-tërima oleh Dato' Bëndahara, lalu mëmbërikan lagi nasehat yang bërguna kapada gëmbala itu.

Maka tiada lama këmudian, gëmparlah sëluruh nëgëri, kërana përmainsuri tëläh mëninggal sachara mënëjut. Lama di-siasat tiada juga di-këtaahui apa sëbab-nya dan dari mana püncha-nya.

Hanya baginda dan Dato' Bëndahara jua yang tiada hënti-nya mënchari sëbab-musabab këmaitian përmainsuri itu. Maka mënnyamar-lah Dato' Bëndahara mënchari rahasia, maka tiada bërapa lama këmudian, Dato' Bëndahara pun tahu-lah

rahasia itu, ia-itu kematian permaisuri ia-lah di-sebabkan angkara perbuatan anak saudara baginda sendiri, yang bernama Raja Tengah Panji Alam, kerana putus asa tiada mendapat pertolongan dari permaisuri mendapatkan rahasia jawaban itu.

Akan hal Raja Tengah Panji Alam ini, tiada lagi di-ketahui jejak-nya mana negeri yang di-rantau-nya kerana membawa hati yang patah.

Maka sentiasa-lah baginda tinggal dalam keadaan murong dan dukachita sa-panjang masa. Maka tiada berapa lama pula, maka tersebar-lah berita bahawa Dato' Bendahara Panglima Garang, telah di-jangkiti oleh suatu penyakit yang paling hina. Penyakit itu ia-lah kulit-nya chalar-balar bersisek<sup>2</sup> dan kaki tangan-nya luka-luka pekong tiada dapat di-obati. Maka merebak pula-lah fitnah ka-atas diri Bendahara, bahawa akan penyakit itu ia-lah sebab musabab-nya dari Daulat Baginda dan Kerajaan Perak jua ada-nya, di-sebabkan Dato' Bendahara telah melakukan perbuatan sumbang dengan permaisuri di-masa hidup-nya.

Maka murka-lah baginda, kerana perbuatan Bendahara itu tiada layak di-lakukan oleh sa-orang Bendahara kepercayaan raja, ba' kata pepatah Melayu, di-harapkan kunchi, maka kunchi jua yang menchuri.

Di-sebabkan kemurkaan baginda yang tiada tara-nya itu, maka Bendahara itu di-buang dari jawatan-nya dan di-halau keluar dari negeri Perak. Maka tinggal-lah Bendahara dalam hutan rimba pada perbatasan negeri Perak dan Pahang, membuat pondok kediaman-nya di-atas punchak Gunung Batu Puteh.



Surong Merak Megat Lela Dewana datang menghadap  
Datok Bendahara.



Salah satu-nya orang yang mēnēmani Bēndahara, ia-lah anak angkat pēliharaan-nya bērnama Si-Bana. Anak itu asal-nya orang dari Nēgēri Batak. Dan di-pēlihara oleh Bēndahara sējak dari kēchil hingga-lah dewasa.

Maka Si-Bana itu-lah sa-orang yang bēkēnja bērchochok tanam, mēmburu, dan mēmasang jērat burong untok makanan mēreka bērdua di-atas punchak Gunong Batu Puteh itu.

Maka pada suatu hari, Si-Bana kēmbali ka-pondok dēngan mēmbawa sa-ekor burong mērak. Burong itu bulu-nya puteh, kaki, kuku, dan paruh-nya jua puteh. Burong itu di-dapat oleh Si-Bana bukan dēngan tērtangkap oleh jērat, tētapi burong itu sēndiri dudok bērtenggek di-dekat jērat itu, tiada mahu lari. Maka di-tangkap oleh Si-Bana dan di-bawa pulang.

Akan hal burong itu, kētika di-lihat-nya Dato' Bēndahara dalam kē-adaan yang amat mēnyēdehkan, maka bērkata-lah burong itu:

“Wahai paduka Dato' Bēndahara Panglima Garang. Ada pun asal-usul saya ini, ia-lah sa-orang manusia juga. Saya ini anak sulong dari ibu bapa-ku. Oleh sēbab tiada daya mēnanggung hidup aku, kērana harta ibu bapa-ku di-rampas oleh raja, maka aku kēna buang di-tēngah2 hutan bēlantara. Maka mati-lah aku. Maka sa-tēlah aku mati, aku mēnjelma jadi bajang. Ada pun kērjaku mēnjadi bajang itu, ia-lah mēnghisap darah orang. Tētapi pada suatu pēngadilan dewa2. di-dapati aku tiada layak dēngan hukuman mēnjadi bajang itu, kērana aku mati bukan dēngan dosa pērbuatan-ku, dan ibu bapa-ku mēmbunoh

kěrana měmbuang aku pun bukan kěrana tiada kaseh sayang ibu bapa-ku, hanya kěmiskinan hidup juga. Dan kěmiskinan hidup ibu bapa-ku bukan kěrana malas běkěrja, hanya kěrana aniaya raja dan orang2 bėsar nęgėri juga. Maka Dewa Pěngadilan měnjadikan aku burong měrak běrbulu puteh”.

Maka těrperanjat bėsar-lah Dato' Běndahara, lalu běkata:

“Rupa-nya tiada juga kěrajaan yang sěmpurna baik dalam dunia ini. Kalau raja baik, orang2 bėsar baik, maka ada juga fitnah dan khianat hingga těr bunoh orang yang tiada běr dosa, sapěrti halnya děngan pěrmaisuri. Ada orang Bėsar yang ta'at dan jujur, di-fitnah dan di-aniaya pula, hingga jadi sěngsara dan těr buang dari jawatan-nya. Ada Raja yang baik dan orang bėsar yang baik, ada pula ra'ayat yang khianat, ada ra'ayat yang baik dan jujur, ada pula raja yang tama' haloba kěrana nafsu bėlaka”.

Maka běkata-lah Burong Měrak itu:

“Nama saya yang di-běrikan oleh Dewa Pěngadilan ia-lah Megat Lela Dewana. Dan saya ini di-utus oleh Dewa Pěngadilan datang měnemui Dato' Běndahara, měmběritahuan dua pěrkaranya”.

Maka kata Běndahara, “Apa pula pěrkaranya yang di-utuskan oleh Dewa Pěngadilan? Adakah kěrana hukuman juga? Bukan-kah aku ini tiada měmbuat durhaka, dan tiada juga běrhati tama' haloba? Katakan-lah supaya ku-děngar, rela-lah aku měnėrima hukuman Dewa walau mati sa-kali pun kěrana apa jua erti-nya hidup-ku ini yang tiada lagi dapat běr bakti kapada nęgėri dan

ra'ayat? Chuma satu pėrmintaan-ku, tolong-lah pėlihara anak-ku Si-Bana ini supaya mėnjadi orang yang sėmpurna akal dan sėmpurna budi kėlakuan".

Maka bėrkata-lah Burong Mėrak Mėgat Lela Dewana:

"Ada pun pėrkara-nya ada dua. Ia-itu, pėrtama, nėgėri Perak sudah 'aib bėsar dan alah oleh angkatan pėrang Aceh, dan Tuan Putėri Limau Purut tėlah di-bawa lari ka-Acheh untok Raja Aceh. Ada pun ra'ayat Aceh baru sėkarang tahu dudok-nya pėrakara maka di-adakan pėrang itu; sa-mata-mata kėrana pėrėmpuan juga. Maka ibu bapa orang2 Aceh yang tėrkorban dalam pėrang tiada rela sama-sakali. Akan hal orang2 Perak sėkarang ini, baik Raja mahu pun ra'ayat, tiada-lah apa-apa yang dapat di-buat mėmbuang arang di-muka, kėrana kėrajaan tiada lagi mėndapat Panglima Pėrang yang handal dan Bėndahara pėntadbir yang chėkap. Jadi kėadaan-nya sapėrti anak ayam kėmatian ibu. Pėrkara yang kėdua, ia-lah fitnah dan pėnyakit yang mėnimpah Dato' Bėndahara Panglima Garang, ia-lah datang-nya dari kėrabat di-raja juga, yang tėlah mėrachun pėrmaisuri, kėrana orang itu putus asa tiada mėndapat pėrtolongan Dato' Bėndahara mėnghuraikan jawaban Limau Purut itu. Akan hal jalan-nya maka Dato' di-makan fitnah, ia-lah kėrana Dato' tėlah bėrlaku lalai, mėnėrima hadiah tėlor dan mėmakan-nya dėngan tiada mėnimbang burok baik-nya, dan tiada bėrta-nya kapada istėri Dato' Sėndiri. Akan hal tėlor itu, ia-lah tėlor ular yang paling bisa. Bukan tėlor ayam atau tėlor burong.

Maka itu-lah yang menjadikan badan Dato' luka pekong dan bersisek chalar-balar, kerana telur ular ada-lah yang paling berbahaya kalau termakan oleh manusia. Kalau bukan-lah kerana badan Dato' yang kuat, dan jiwa Dato' yang berseh, maka tentu Dato' telah lama meninggal kerana bisa-nya luka-luka dan gatal peret-nya sisek<sup>2</sup> di-kulit itu".

Maka ketika mendengar keterangan Burong Merak Megat Lela Dewana itu, kelihatan-lah Si-Bana menangis tersedu-sedu, mengenang nasib yang menimpa Dato' Bendahara. Dan akan hal Dato' Bendahara pula, termenong tiada bergerak. Maka berkata lagi Burong Merak Megat Lela Dewana:

"Sekarang ini Raja Perak sudah tahu akan hal yang sa-benar-nya, kerana Dewa Pengadilan telah mengirim ma'alumat kepada baginda dalam mimpi, memberitahukan hal ini. Dan Dewa Pengadilan telah memerintahkan kepada baginda, supaya memanggil mesuarat besar kerajaan, menchari ikhtiar mendapatkan kembali Dato' Bendahara Panglima Garang, untuk membuang arang yang terhonteng di-muka.

"Ada pun keputusan mesuarat itu, ia-lah pergi menchari Dato'. Tetapi tiada berjaya, kerana jalan yang menuju ka-arah gunung ini, disana telah diam penjaga batang tuboh Dato', iaitu satu kelamin harimau, satu kelamin ular, satu kelamin gajah, satu kelamin beruang, satu kelamin serigala, satu kelamin badak sumbu, satu kelamin banteng, satu kelamin babi hutan, satu kelamin pelandok, satu kelamin buaya darat, dan satu kelamin burong ketok<sup>2</sup>.

“Maka barang siapa mēlintas, binasa-lah dia. Ada pun makanan binatang2 pēnjaga batang tuboh Dato’ itu, ia-lah sēmula tērnak gēmbala yang tēlah mēnjadi tali barut pēngkhianat itu. Maka sēkarang tērnak-nya sudah habis. Akan hal gem-bala itu, Dewa Pēngadilan tēlah mēnghukum dia mēnjadi sa-ekor gajah jantan. Kērja-nya mēmbuat dēnai jalan sa-tapak dalam hutan dari pun-chak gunung ini mēnuju ka-arrah ibu nēgēri. Maka jalan ini-lah yang sēlalu di-gunakan oleh orang2 yang pērgi mēnchari Dato’.

“Maka sēkarang ini, tiba-lah masa-nya pula Dato’ sēndiri bērangkat kēmbali ka-istana, di-tēmani oleh Si-Bana, anak yang sangat di-hargai jasa-nya oleh Dewa Pēngadilan. Kalau Dato’ sudah tiba di-istana, maka sēmula ra’ayat yang mēlihat Dato’ akan mēnangis, sa-hingga ayer mata akan mēnggēnangi pēkarangan istana kērana mēnyesal dan sēdeh mēngēnang nasib Dato’ yang sudah2. Ada pun masa-nya untuk bērangkat, ia-lah esok hari di-kala matahari sudah siap kērja-nya mēngēringkan ayer di-daun2. Masa itu akan bērbunyi suara Burong Betek. Maka pada sa’at itu, saya sudah mēnunggu di-istana. Dan sēmula pēnjaga batang tuboh Dato’ sudah sēdia bērjejer di-sapanjang jalan dalam hutan ini, kērana mēmbērikan pēnghormatan. Tapi jangan-lah pērdulikan mēreka, kērana memang itu-lah tugas mēreka masing2, mēnurut kadar-nya”.

Sa-tēlah bērkata dēmikian, maka tērbang-lah Burong Mērak Megat Lela Dewana dēngan bunyi sayap-nya yang bērdēsir, dan mulut-nya mēnyanyi dēngan gēgap gēmpita, kērana sēmula pokok, daun,

dahan, batu, buah, bunga, dan binatang2 hidup dalam hutan mēmbērikan pēnghormatan kapada Burong Mērak Megat Lela Dewana itu.

Maka pada kēsokan hari-nya, kētika Burong Betek tēlah bērbunyi bērturut2 tiga kali, maka bērangkat-lah Dato' Bēndahara dēngan di-iringi oleh Si-Bana. Maka sa-panjang jalan itu, sēma bunga sēmbak harum, mēkar dēngan sēgar-nya. Sēma buah kayu masak ranum mēmbuai2 rēndah dari dahan di-tepi jalan, dan sēma burong mēnyanyi girang. Dan sēma binatang2 pēngawal batang tuboh Dato' Bēndahara Panglima Garang bērdiri dēngan ta'azim di-sapanjang tēpi jalan. Maka bērjalan-lah mēreka bērdua, sambil mēmētek bunga di-kuchup di-chium untok mēnyēgar-kan pērasaan, dan mēmētek buah untok di-makan. Maka di-tēngah pējalanan itu, kēlihatan-lah sa-ekor gajah tunggal bērdiri di-tēngah jalan, tiada juga di-pērdulikan oleh Dato'. Maka gajah itu bērubah mēnjadi orang betul2 sa-rupa dēngan anak gēmbala itu dahulu, maka Dato' mēludahi muka-nya, maka anak itu kēmbali jadi gajah. Maka gajah di-pukul oleh Dato' dēngan tongkat-nya, maka tongkat itu mēnjadi ēmas batang-nya, gading hulu-nya, dan di-tanah pērmata intah ma'nikam bērkilau2 indah. Dan gajah itu bērubah mēnjadi Batu. Maka batu itu sēkarang ada di-pērtēngahan gunung Batu Puteh, puteh warna-nya, pada arah sa-bēlah barat.

Sudah itu, maka bērjalan-lah Dato' kēmbali ka-istana di-iring oleh Si-Bana dēngan sehat sēntosa-nya, hanya pēnyakit-nya jua bēlum hilang.

## BĚLAYAR KA-ACHEH

Ada pun akan kĕmbali-nya Bĕndahara ka-istana, tĕlah di-chanang oleh Burong Mĕrak Megat Dewana tujuh hari lĕbeh dahulu. Maka bĕrkampong-lah sĕluroh anak nĕgĕri di-sĕluroh kawasan istana, dan pĕnoh sĕsak-lah di-sapanjang jalan.

Maka sa-tiap orang yang mĕlihat Dato' Bĕndahara dĕngan bĕrkĕadaan tĕrlalu mĕndĕrita itu, tiada sa-orang jua pun yang tĕrtahan rasa sĕdeh hati-nya, hingga tiada sadar sĕmua orang yang mĕlihat-nya mĕnangis tĕrsĕdu<sup>2</sup>. Maka sa-panjang jalan itu, banjir-lah ayer mata, hingga tĕrbĕnam kĕting Dato' Bĕndahara.

Maka hal Burong Mĕrak Megat Lela Dewana, sĕjak pagi lagi tĕlah bĕrtenggek di-atas bubong istana, dĕngan bĕribu<sup>2</sup> ekor dari bĕrbagai jĕnis burong, bĕrnyanyi ramai<sup>2</sup>, mĕmuji<sup>2</sup> Dato' Bĕndahara, mĕmuji<sup>2</sup> pĕrmaisuri yang sudah mangkat, mĕngasehani Tuan Putĕri Limau Purut, dan mĕnyumpah mĕmaki orang<sup>2</sup> yang khianat. Sĕmua nyanyian itu ia-lah sapĕrti suara dan bahasa manusia juga.

Kětika Běndahara dęngan di-iringi oleh Si-Bana masok ka-halaman istana, maka bęrnianyilah Burong Męrak Megat Lela Dewana sa-orang diri, tęrlelu męrdu suara-nya:

*"Sęlamat datang dato' paduka bęndahara*

*"Kęmbali dari rantau pęnoh sęngsara*

*"Di-mana hati norani męngasehi pęnghuni bęlantara*

*"Raja dan anak nęgęri jua yang tiada tęrpęlihara.*

Maka di-sambut-lah oleh nyanyian burong yang ramai pula:

*"Tiba-lah masa-nya paduka bęndahara męmbuka bukti*

*"Ęmas dan loyang tiada dapat di-sęmbunyi*

*"Parut chalar luka yang męmęnohi badan dan diri*

*"Jadi-lah kutokan di-hati norani sa-tiap insani*

*"Jadi-lah bukti kęmurnian bęndahara nęgęri yęng męsti tangisi.*

Maka di-sa'at itu, sęluroh isi istana dan orang2 yang bęrsęsak2 di-atas bumi kawasan istana męnangis tiada henti2-nya dęngan tiada sadarkan diri. Maka banjir-lah istana dęngan hujan ayer mata. Maka tęnggelam-lah sęluroh tuboh Bęndahara dalam banjir ayer mata itu. Maka Bęndahara dan Si-Bana bęręnang-lah męnuju istana.

Maka bęrnianyilah Męrak Megat Lela Dewana:

*"Jangan di-sęsal jangan di-kaji 'ngapa ęngkau sędeh dan pilu*

*"Jangan di-ulang kęnang 'ngapa bęndahara di-buang lalu*

*"Ręntikan-lah tangis, dan buat-lah janji akan kęmuliaan budi-mu*

*"Bęndahara kęmbali untok męmbuang 'aib dan malu.*



Maka kěring-lah ayer banjir itu. Maka sěmua orang pun diam-lah dari měnangis. Maka Běndahara děngan di-iringi oleh Si-Bana běrjalan-lah ka-arrah tangga istana, děngan mělangkahi mayat orang2 běsar dan orang ramai yang pěrnah měnyimpan děndam kapada Běndahara.

Akan hal chachat tuboh Běndahara itu, kětika tiba di-hadapan takhta baginda, sěmua měnjadi sěmboh kěmbali. Pěrobahan ini dapat di-saksikan oleh Baginda sěndiri. Maka kěděngaran-lah Burong Měrak měnyanyi sa-orang diri:

*"Wahai raja wahai ra'ayat něgěri*

*"Kětahui oleh-mu akan hikmat diri*

*"Tiada mulia orang yang ta' měngěnanng budi*

*"Tiada něgěri kalau bukan bakti norani dan hati insani*

*"Jaga budi pěkerti dan karar-kan janji sa-tiap hari.*

Maka kěděngaran-lah burong ramai2 měnyanyi:

*"Karar-lah janji sa-tiap hari,*

*"Untok něgěri dan ra'ayat ramai*

*"Karar-lah janji walau malam dan siang hari*

*"Raja dan ra'ayat běndahara-lah pucha bakti.*

Sa-tělah itu, sěmua burong2 yang lain těrbang pěrgi, tinggal hanya sa-ekor, ia-itu Burong Měrak Megat Lela Dewana di-atas bubong istana, dan kětika itu tiada kěděngaran suara walau sadikit pun jua.

Maka běrnanyi-lah Burong Měrak Megat Lela Dewana:

*"Kětahui oleh-mu wahai anak něgěri*

*"Tuan putěri siang malam běrsunyi diri*

*"Gundah gulana tiada sa-orang yang pěrgi měnchari*

*"Anak něgěri hanya tahu měnyěsali untong diri*

*“Sěkarang Běndahara dan Si-Bana běrangkat-lah  
měngambil tuan putěri.*

Maka těrbang-lah burong itu děngan di-iringi oleh bunyi daun2 kayu dan burong2 lain-nya yang měnunggu di-satiap tangkai ranting

Maka akan Běndahara, kěmbali-lah mēměgang jawatan-nya, dan akan hal Si-Bana, tětap-lah měnjadi orang yang měngawal batang tuboh Běndahara.

Maka tiga Juma‘at kěmudian, běrangkat-lah Běndahara bělajar měnuju ka-Acheh děngan suatu rombongan armada yang bėsar dan lěngkap děngan alat sěnjata dan běkalan. Hulubalang2 yang sa-lama ini tiada tahu apa yang městi di-buat hinga alah pěrang Perak dari Acheh, sěkarang ini kěmbali měnjadi gagah dan běrani, kěrana těläh měndapat pěmimpin yang bijaksana, pěntadbir yang chěkrap, panglima pěrang yang tiada tandingan-nya ia-itu Dato’ Běndahara Panglima Gerang.

Maka sa-těläh tiba di-Acheh, gěmpar-lah něgěri Acheh akan kědatangan angkatan Běndahara itu. Tětapi Ra‘ayat Acheh yang sudah tahu akan asal mula-nya ia-itu pěrakara Tuan Putěri Limau Purut juga, maka tiada sa-orang pun yang mahu běrperang, kěrana pěperangan yang di-lakukan duhulu bukan untok něgěri dan něgara, dan sěkarang ini pun kalau pěrang těrjadi antara angkatan Běndahara Perak děngan Acheh, bukan juga untok něgěri dan Ugama, hanya muslihat nafsu raja jua.

Maka Raja Acheh pun sudah kětahui hal ini sěmua. Maka tiada lain yang dapat di-buat oleh Raja Acheh, hanya měněrima Běndahara Perak děngan lěmah lěmbut, dan mělayani-nya děngan

pěnoh kěbėsaran.

Akan hal Běndahara, kětika tiba di-Acheh itu, kěrana lěbeh dulu sudah tahu apa kěmahuan ra'ayat Acheh, maka tiada juga měmpěrlihatkan tingkah laku-nya yang kasar, tiada juga kata-kata-nya mahu pěrang. Běndahara pěrgi jalan2, pěrgi ka-pasar dan běrgaul děngan ra'ayat biasa. Di-mana2 sahaja Běndahara pěrgi, di-lihat-nya anak2, orang dewasa, lělaki dan pěrěmpuan, tua dan muda, běrsěnjata bělaka, ka-mana saja měreka pěrgi.

Maka běrtanya-lah Běndahara kapada sa-orang pěrěmpuan tua yang měnjual sayor2 dan buah2 di-pasar itu:

“Ma'afkan-lah saya ini Mak. Saya ini orang dagang di-sini, datang dari Perak. Kědatangan saya ka-mari hanya ingin bělajar jua dari hal rěsam dan kěagongan 'adat kěhidupan di-sini. Tětapi měngapa pula sa-tiap orang di-pasar ini, dan di-mana-mana jua pun, sěmua běrsěnjata bělaka?”

Maka měnyahut-lah pěrěmpuan tua itu:

“Kami tahu siapa tuan. Kěrana tuan ia-lah Dato' Běndahara Panglima Garang, datang dari Něgěri Perak. Tětapi bukan-kah maksud tuan datang ka-mari untok běrbaik2 juga? Jadi biar-lah saya běritahuan 'adat rěsam kami dalam pěrkarā měmakai sěnjata ini. Guna-nya hanya satu pokok, ia-itu měruah. Dan tangkai-nya ada tiga chabang, ia-itu jaga diri, jaga něgěri, jaga ugama. Itu-lah maksud-nya, kěrana tiada musoh yang pěrnah běr-kata, pěrgi-lah kěmbali ka-rumah ambil sěnjata baru kita běrlawan. Sěmua musoh tiada bodoh dēmikian. Jadi kita jangan bodoh pula měninggal-kan sěnjata barang ka-mana pěrgi”.

## KELAPA GADING DAN LIMAU

Dalam suatu perjamuan besar yang di-adakan oleh Raja Aceh untok menjamu Dato' Bëndahara Panglima Garang dan angkatan-nya, maka berbual-bual-lah Dato' Bëndahara Perak dengan Dato' Bëndahara Aceh.

Kata Dato Bëndahara Aceh:

"Kami orang2 besar Aceh dan Raja Aceh sangat terperanjat dan sangat bergembira atas kedatangan tuan hamba".

"Kami pun bagaitu, sangat bergembira dan berterima kaseh atas sambutan yang kami terima. Tetapi mengapa pula tuan hamba terperanjat?" Sahut Bëndahara Perak.

"Mengapakan tidak? Seluruh dunia tahu, bahawa tuan sudah di-pechat dan telah meninggal dalam pëmbuangan. Tetapi sekarang bukan hanya hidup balek, malah datang pula ka-mari dengan membawa perutusan yang begitu besar. Kalau-lah bukan kerana tuan itu sudah tiada di-Perak, tiada-lah Aceh akan menyërang Perak,

dan tiada-lah Tuan Puteri Limau Purut akan dibawa ka-mari, kerana semua negeri tahu, bahawa tuan sangat bijak, tiada mahu perang tetapi tiada tandingan bila dalam perang". Kata Bendahara Aceh.

"Memang kami tiada suka perang. Dari itu, kalau dapat, kedatangan kami ini juga sa-moga tiada membawa perang. Hanya hajat kami membawa persembahan dari Kerajaan Perak kepada Kerajaan Aceh, dan meminta supaya Tuan Puteri Limau Purut kami bawa kembali ka-Perak".

Hal ini tiada di-jawab oleh Bendahara Aceh. Walau pun dia sudah tahu bahawa tentu permintaan itu akan datang juga akhir-nya. Dan dari itu-lah pula, maka Raja Aceh telah mengator rancangan, kalau Bendahara Perak mahu mengambil kembali Tuan Puteri Limau Purut, maka Raja Aceh tiada keberatan, tetapi dengan syarat, hendak-lah Bendahara Perak memanjat batang kelapa gading, dan mengambil turun buah-nya untuk makanan permaisuri Aceh yang sedang mengidam.

Ada pun batang kelapa gading itu, sangat tinggi, dan di-atas bahagian batang-nya di-perengkat leher ada genting yang hanya sedikit di-bebani sudah tentu patah. Jadi kalau Bendahara Perak memanjat, bila tiba di-sabalah atas genting itu, tentu batang ini patah, dan Bendahara jatuh ka-bawah lalu mati. Jadi kematian Bendahara ini tentu dikatakan kemalangan juga. Kalau Bendahara sudah mati, maka tiada-lah tuan puteri dapat kembali ka-Perak, dan tiada-lah Raja Perak ada beraninya lagi, kerana Bendahara Panglima Garang sudah tiada.

Maka pada kéesokan hari-nya, kětika Bëndahara Perak mēnghadap pada Raja Aceh mēnyēmbahkan pērmintaan-nya supaya Tuan Putēri Limau Purut dapat di-bawa kēmbali ka-Perak, maka bērtitah-lah Raja Aceh:

“Hal itu tiada mēnjadi kēbēratan beta. Tětapi hēndak-lah pēnohi satu sharat, ia-itu Bëndahara sēndiri mēmanjat pokok kēlapa gading, bawa turun buah-nya. Itu saja. Kalau sudah bērjaya mēndapatkan buah kēlapa gading itu, tiada apa-apa lagi halangan bagi Tuan Putēri kēmbali ka-Perak. Ada pun dulu beta pērentahkan supaya di-adakan pērang dēngan Perak, ia-lah kērana maksud mēmbalas bela juga atas pēnganiayaan kapada Dato' Bëndahara Panglima Garang. Beta tahu, Dato' Panglima hanya di-fitnah dan di-khianati, di-katakan Dato' Bëndahara durhaka dan mēndapat pēnyakit tula kēna daulat. Itu beta tiada pērchaya sadikit pun, kērana beta sudah lama kēnal pēkērti Dato' Bëndahara. Ada pun di-bawa-nya ka-Acheh tuan putēri itu, hanya mahu lihat, adakah juga muka nēgēri Perak mahu mēngambil-nya kēmbali dēngan tidak ada Dato' Bëndahara Panglima Garang itu? Tētentu tiada. Sēkarang ini Bëndahara datang sēndiri, memang itu yang beta tunggu. Akan hal tuan putēri, sa-lama di-Acheh beta jaga pēlihara, tiada chachat chēla-nya sēdikit jua pun. Dan sēkarang ini tēlah mēnjadi pēramisuri, sēdang mēngidam pula. Itu-lah jasa bakti Bëndahara kalau dapat-lah buah kēlapa gading itu bēsarlah tērima kaseh beta”.

Maka Bëndahara Panglima Garang pun mēnērima sharat itu. Maka pada suatu hari, pērgi-

lah Dato' Bëndahara Panglima Garang mēninjau2 pokok kēlapa gading itu. Dia lihat batang-nya di-pērēnggan leher sudah gēnting mēnunggu patah sahaja lagi. Maka 'arif-lah Bëndahara Perak akan hal ini. Maka di-chari-lah ikhtiar supaya jangan jadi binasa dan kēlapa itu di-dapat dēngan sēm-purna. Maka di-pandang-lah kēliling, maka di-lihat oleh bëndahara, ada sa-pokok Limau Purut juga. Maka buah-nya sangat lēbat. Maka di-masokki-nya taman larangan itu, di-pētek sa-biji limau purut itu, lalu kēmbali ka-pangkal pokok kēlapa gading itu, maka dēngan diam2 Dato' Bēndahara bērdiri di-pangkal pokok kēlapa itu. Kē-mudian mēmanggil Si-Bana datang mēndēkat.

"Kalau Limau ini tiada bērhasil mēnjatohkan sa-tandan kēlapa gading itu, maka 'aib-lah kita. Jadi pada ēngkau nanti tērgantong pēmbelaan 'aib kita itu, Bana. Engkau panah pangkal tandan-nya biar gugor ka-bawah", kata Bëndahara.

Maka Bana mēminta buah limau itu dari tangan Bëndahara. Maka Si-Bana pun mēnggēnggam-nya sa-jēnak, kē-mudian mēmandang ka-lan-git. lalu mēnyērahkan kēmbali limau itu kepada Bëndahara lalu kata-nya:

"Dato' boleh baleng sēkarang. Sa-biji ini pun chukup, bērapa biji kēlapa yang Dato' mahu, sē-mua boleh gugor walau tiada kēna, asal ada kēna imbas angin jua jadi-lah".

Maka Bëndahara pun mēmbaleng ka-atas. Kēna tēpat pangkal tandan-nya. Maka tandan itu tanggal, maka gugor-lah kēlapa gading itu sa-tan-dan dēngan tiada pēchah walau sa-biji pun.

Maka sēmua orang yang mēlihat kējadian ini



Puteri Limau Purut di-bawa sulang ka-Perak.



těrchěngang, kěrana tiada sa-orang pun yang měnyangka bahawa kělapa itu boleh di-turunkan děngan tiada di-panjat.

Ada pun akan hal Raja Aceh, sangat murka dalam hati-nya kětika mėlihat Běndahara Perak mēmėtek buah limau dalam taman larangan-nya. Tėtapi kětika mėlihat buah kělapa itu gugor děngan hanya mēmbaleng-nya sa-biji limau, maka hilang-lah murka raja, kěrana yakin dalam hati-nya bahawa Dato' Běndahara Panglima Garang ini bukan-lah boleh di-buat mudah.

Maka děngan itu jua, dapat-lah Tuan Putěri Limau Purut di-bawa kěmbali ka-Perak.

Dan mashhor-lah bėrita ka-sěluroh dunia akan kěpandaian dan kěbijaksanaan Dato' Běndahara Panglima Garang dari Něgěri Perak. Dan akan hal Si-Bana, kěkal-lah měnjadi orang bėsar jua di-samping Dato' Běndahara.

— T A M M A T —